

4H3M

BANGKOK + PATTAYA

TOUR CODE: SBT03-MH

HARI 1 MT/MM

Kuala Lumpur - Bangkok - Pattaya

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Bangkok.

Lawatan di **Pattaya**:

- **Erawadee Herb & Health Shop**: Kilang yang menghasilkan ubatan tradisional yang diperbuat 100% dari herba semulajadi dan organik milik keluarga Diraja Thailand. Tetamu boleh mendapatkan pelbagai jenis produk kesihatan dan kecantikan di sini.
- Melawat salah satu tarikan utama, **Pattaya Floating Market** yang diwujudkan sejak 2008 bukan sahaja untuk tetamu membeli cenderamata dan makanan daripada peniaga-peniaga di dalam sampan, malahan merasai pengalaman gaya hidup dan kebudayaan orang sungai Thai. Dengan bayaran tambahan, tetamu boleh merasai pengalaman menaiki sampan menyelusuri sungai dan kawasan perkampungan di sini.



Pattaya Floating Market

- Masa bebas untuk bersiar-siar dan berfoto di pantai terkenal **Pattaya Beach** yang menjadi tumpuan pelancong beristirahat dan bermain aktiviti air. Bagi pengumpul barangan koleksi, boleh mengunjungi **Hard Rock Café Pattaya** yang terdapat di sini.

Bermalam di Pattaya.



HARI 2 SP/MT/MM

Pattaya - Bangkok

- Melawat **Nong Nooch Village** yang merupakan sebuah taman botanikal besar yang dipenuhi dengan pelbagai jenis bunga dan juga pelbagai tarikan unik seperti pertunjukan **Elephant Show** yang memaparkan aksi-aksi menarik gajah, sambil berfoto dengan dinosaur dan menonton persembahan **Thai Classical Dance**.

Bertolak ke **Bangkok**:

- Melihat cara pembuatan batu permata di **Gems Factory**.
- Pelajari khasiat dan cara penghasilan madu lebah secara tradisional di **Honey Bee Farm & Gallery**. Tetamu juga boleh membeli madu di sini untuk dibawa pulang.
- Bersolat di **The Foundation of the Islamic Centre of Thailand** yang merupakan masjid terbesar di sini berusia lebih 60 tahun.
- Masa bebas untuk membeli-belah barangan tempatan dan cenderamata di pasar malam terbuka **One Ratchada Night Market** yang menempatkan lebih 100 peniaga, selain menikmati persembahan live muzik dan berfoto di beberapa spot yang menarik di sini.

Bermalam di Bangkok.

HARI 3 SP

Bangkok

Tetamu bebas untuk melakukan aktiviti sendiri pada hari ini.

HARI 4 SP

Bangkok - Kuala Lumpur

- Menyusuri sepanjang **Chao Phraya River** sambil menaiki bot persiaran **Chao Phraya River Tourist Boat** yang akan berhenti di beberapa jeti sepanjang sungai ini dan anda boleh hop on-hop off di jeti-jeti ini untuk melawat tarikan seperti Flower Market, Wat Arun dan China Town.
- Masa bebas untuk membeli-belah dan bersantai di **Icon Siam Mall** yang serba moden menempatkan 7,000 buah kedai dan juga floating marketnya yang tersendiri.

Bertolak ke lapangan terbang untuk penerbangan pulang.

4H3M

BANGKOK + PATTAYA



Pattaya Beach



HOTEL PENGINAPAN		3* Hotel
BANDAR	HOTEL/SETARAF	BIL. MALAM
Pattaya	Eastern Grand Palace	1 Mlm
Bangkok	Madison Bangkok	2 Mlm

JADUAL PENERBANGAN



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETD
1	MH 784	KUL - BKK	0900	1015
4	MH 781	BKK - KUL	1940	2250

SHOPPING STOP

- Gems Factory
- Erawadee Herb & Health Shop
- Honey Bee Farm

PERBEZAAN WAKTU

GMT+7

Thai Baht THB100

= Ringgit Malaysia MYR 14



Nong Nooch Village

HARGA PAKEJ TERMASUK

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel 3 malam bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

HARGA PAKEJ TIDAK TERMASUK

- Kos ujian antigen atau PCR COVID-19 sekiranya disyaratkan oleh negara dilawati.
- Travel & Covid-19 Insurans - Hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans yang sesuai.
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam aturcara program dan pakej termasuk.